

KOLABORASI ULAMA DAN UMARA' MELONJAKKAN SIYASAH SHAR'IYYAH DI MALAYSIA DAN NUSANTARA

Oleh:
Mohd Nor Bin Anuar¹

Abstrak

*Kolaborasi ulama dan umara'² terbukti mampu membentuk masyarakat madani. Pendekatan dan kaedah **siyasah shar'iyah** telah terbukti sangat berkesan kepada ulama dan umara' dalam mengurustadbir dan menyebarkan Islam di Nusantara. Manakala faktor pengislaman golongan istana telah mempercepatkan lagi pembinaan *thaqafah* dan tamadun Islam sebagai persediaan sebelum kedatangan penjajah Barat dan Timur. Penulis mendapati bahawa hakikat ini terselindung di sebalik analisis pembahagian fasa-fasa reformasi atau transformasi sosial dan budaya di alam Melayu oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978). Sebagai umat Islam mutakhir yang dapat menikmati pengertian dua kalimah shahadah, sewajarnya jasa-jasa dan pengorbanan para ulama dan umara' dalam mempertahankan aqidah Islam pada zaman awalan disanjung dan dikenang. Selain melindungi ajarannya yang suci, mereka juga telah menghasilkan pelbagai khazanah artifak dan psikofak yang tidak ternilai harganya untuk diwarisi oleh anak cucu mereka.*

¹ Mohd Nor bin Anuar, MA, Calon PhD, Pensyarah Jabatan Muamalat Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

² Umara' dalam konteks artikel ini ialah institusi istana dan institusi politik. Kolaborasi ulama dan umara' bermaksud penggabungan usaha dan tenaga di antara pihak kepimpinan ulama dengan institusi istana dan juga institusi politik.

PENDAHULUAN

Menurut Abu al-Futuh,³ sistem pemerintahan di dalam masyarakat adalah simbolik dengan sistem saraf di dalam diri seseorang manusia. Sekiranya sistem saraf rosak maka perjalanan anggota badan menjadi tidak betul dan tidak tepat serta boleh jadi pula merosakkan diri manusia itu sendiri. Tetapi, sebaliknya jika sistem saraf itu betul maka semua perkara akan berjalan betul dan tepat mengikut urutan orbitnya.

Fauziah Muhammad⁴ menegaskan bahawa kerosakan masyarakat adalah berpunca daripada kerosakan umara' dan kerosakan umara' pula berpunca daripada kerosakan ulama. Sekiranya majoriti masyarakat di suatu zaman atau wilayah dalam keadaan 'rosak' maka itu merupakan petanda ulama dan umara'nya telah tidak memainkan peranan mereka. Rasulullah SAW bersabda:⁵

صِنْفَانِ مِنَ النَّاسِ إِذَا صَلَحَا صَلَحَ النَّاسُ، وَإِذَا فَسَدَا فَسَدَ النَّاسُ:
الْعُلَمَاءُ وَالْأُمَرَاءُ.

Maksudnya: "Dua golongan manusia apabila mereka baik maka baiklah semua manusia. Dan apabila mereka rosak nescaya rosaklah semua manusia, iaitu ulama dan umara'."

Sekiranya peranan ulama boleh diibaratkan seperti doktor untuk mengubat dan merawat penyakit manusia maka peranan umara' pula adalah pelengkap dan berkhidmat secara usaha sama untuk kemaslahatan masyarakat. Sejarah kolaborasi ulama dan umara' terbukti mampu membentuk masyarakat madani dan bertamadun.

³ Abu al-Maati Abu al-Futuh (1986), *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. xix.

⁴ Fauziah Muhammad (1997), *Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.

⁵ Hadis da'if riwayat Abu Nu'aim di dalam Hilyah al-'Ulama. Sila lihat: 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Sayuti (t.t), *al-Jami' al-Saghir*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, h. 376.

AL-QURAN DAN AL-SUNNAH ASAS KOLABORASI

Mahmood Zuhdi⁶ menyatakan bahawa nas-nas al-Quran⁷ dan al-Sunnah berperanan utama dalam menjadi asas hukum-hukum yang ditentukan yakni nas-nas tersebut bersifat muqaddas (murni dan mutlak) yang menjamin keaslian hukum-hukum Islam. Meskipun terdapat hukum-hukum yang akan berubah berasaskan *maqasid* dan *siyasah shar'iyah*, disebabkan perubahan nilai intelektual fuqaha' dan perubahan zaman, suasana serta keadaan, namun kedua-dua sumber tamadun Islam ini tidak menerima sebarang perubahan, yakni bersih daripada sebarang unsur pengurangan atau penambahan (al-Qurtubi⁸). Firman Allah S.W.T:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: "Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya." (Surah al-Najm (53): 3-4)

Kita akan lihat bilamana agama dipisahkan daripada pentadbiran dan pengurusan maka kuasa akan berpindah kepada golongan manusia yang bersifat kuku besi (monopoli) atau golongan manusia yang bersifat terlalu tamak kepada kebendaan (materialistik). Dengan menolak syariah Islamiah, mereka mengambil *siyasah shaytaniyyah* yang sesat lagi menyesatkan. *Wal'iyazubillah*.

Syariat Islam adalah lengkap dan sempurna bagi menyelesaikan segala permasalahan manusia, sebagaimana terkandung di dalam hukum *maqasid* dan *siyasah shar'iyah*. Bila mana timbul perkara-perkara baru seperti demokrasi, penglibatan non-muslim, *tahaluf siyasi* (persefahaman politik), demonstrasi dan sebagainya, maka berlaku kekurangan dalil-dalil secara khusus dan *qat'i* sedangkan dalam tindakan dengan pendekatan *siyasah shar'iyah* perlu menepati keutamaan syariah. Bagaimanapun madrasah siyasah perlu merujuk dan mengimbas sejarah peradaban dan tamadun Islam lampau sebagai pengajaran sebelum mengambil sebarang

⁶ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (Prof. Dato' Dr.) (2000), *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam (IKIM), h. 12.

⁷ Pada umumnya hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran mengikut bidang adalah ibadat (140 ayat), kekeluargaan (70 ayat), muamalat (70 ayat), jenayah (30 ayat) dan kehakiman dan kesaksian (20 ayat).

⁸ Al-Qurtubi (t.t), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, j. 10, h. 5.

langkah untuk melonjakkan pemikiran tinggi dan berkualiti melalui polisi-polisi *siyasah shar'iyah* mengikut perkembangan fiqh semasa.

IMPAK KEMASUKAN ISLAM KE NUSANTARA

Dalam konteks kemasukan Islam ke Nusantara, perubahan yang dibawa oleh Islam merupakan suatu perubahan yang menyeluruh berteraskan paradigma Tauhid.⁹ Tauhid telah membuahkan kehidupan beribadah dan berthaqafah, menghiasi akhlak yang bernilai tasawwuf, juga mencetuskan perubahan-perubahan lain dalam bidang politik, perundangan, keilmuan, persuratan dan sebagainya.

Islam telah diberi sambutan hangat di Nusantara tanpa mengabaikan aspek politik dan pentadbiran demi menjaga maslahat keseluruhan manusia sama ada Islam mahupun bukan-Islam. Oleh kerana aspek ilmu mendahului aspek kuasa, peranan *siyasah shar'iyah* oleh para ulama telah mendahului peranan mana-mana pihak termasuk institusi istana dan kepimpinan politik. Para ulamalah yang telah mempengaruhi sifat dan watak para pemerintah atau sultan yang berkuasa di kebanyakan negeri di rantau alam-Melayu ini. Sultan-sultan yang terkenal seperti Sultan Malik al-Zahir (Sumatera-Pasai), Sultan Mansur Shah (Melaka) dan Sultan Muda Mahkota Alam (Acheh) mempunyai watak sangat meminati ilmu-ilmu agama secara mendalam.

Berikut adalah sumbangan karya intelektual dan khazanah ilmu-ilmu agama daripada para ulama terkemuka di Nusantara yang menjadi rujukan utama pelaksanaan *siyasah shar'iyah* kepada golongan istana dan masyarakat pendakwah di alam Melayu. Di antaranya ialah:

Jadual 1: Karya-karya rujukan secara holistik berasaskan *Thaqafah-Siyasah shar'iyah* oleh para ulama Malaysia dan Nusantara

Tokoh Ulama/Pemikir	Karya Penulisan	Dimensi/Perkara
(Palembang)		
Sheikh Abdul Samad al-Palembani	▪ <i>Zuhrah al-Murid</i>	- Tauhid/ Tasawwuf
Tuk Shihabuddin	▪ <i>'Aqidah al-Bayan</i>	- Tauhid

⁹ Wan Ab Rahman Khudri bin Wan Abdullah (2002), *Impak Kemasukan Islam ke Nusantara ke Atas Kehidupan Sosial Masyarakat Melayu*. Pahang: PTS, h. 137.

Zainal Abidin	▪ <i>Syair 'Asyiqin, syair Ghafilah, syair sifat 20 dan sebagainya.</i>	- Puisi
(Pattani)		
Sheikh Daud Abdullah	▪ <i>Furu' al-Masa'il</i>	- Fiqh ¹⁰
(Kelantan)		
Haji Daud Bukit Abal	▪ <i>Risalah al-'Aqa'id wa al-Fawa'id</i> ▪ <i>Risalah-risalah Tasawwuf</i>	- Aqidah - Tasawwuf
Syeikh Abdul Rahim Idris	▪ <i>Tarikh al-Ka'bah al-Mu'azzhamah</i> ▪ <i>Sejarah Masjid Nabawi</i>	- Tarikh - Tarikh
Tuan Guru Haji Wan Ali bin Wan Abdul Rahman (Tok Wan Ali Kutan/Guru kepada Tok Kenali)	▪ <i>al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub</i> ▪ <i>Zahrat al-Murid fi 'Aqa'id al-Tawhid</i> ▪ <i>Lum'at al-Awrad</i> ▪ <i>Majma' al-Qasa'id wa al-'Awa'id</i> ▪ <i>al-Shams al-Tali'ah Naskh al-Kawakib al-Nayyirat</i> ▪ <i>Mabda' al-Ghilman wa Murshid al-Nisyan fi 'Ilm Tajwid al-Qur'an</i>	- Tasawwuf - Tauhid - Akhlak - Fiqh - Tasawwuf - Tajwid
Haji Yusoff Ahmad Kenali (Tok Kenali)	▪ <i>Majalah Pengasuh</i> (diasaskannya pada 1918M)	- Kesedaran beragama
Syeikh Idris al-Marbawi (murid Tok Kenali)	▪ <i>Qamus al-Marbawi dan Qamus al-Jayb</i> ▪ <i>Bahr al-Mazi (Sharah Mukhtasar Sahih al-Tirmizi)</i> ▪ <i>Beberapa Tafsir al-Qur'an</i> ▪ <i>Bulugh al-Maram</i> ▪ <i>Usul al-Islam/Nizam al-Hayah</i> ▪ <i>Mu'jam al-Ka'inat</i>	- Bahasa - Hadis - Tafsir - Hadis (huraian Shaykhani) - Tasawwur - Bahasa

¹⁰ Kebanyakan karya-karya fiqh yang ditulis adalah bersumberkan dari Kitab *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi dan kitab-kitan lain yang merupakan syarah atau *hashiyah* terhadapnya.

	▪ <i>Pati Hukum Ibadat</i> ▪ <i>Jami' al-'Ulum</i>	- Fiqh - Koleksi Ilmu
Haji Ismail bin Haji Senik (Tok Kemuning)	▪ Membina sistem pondok (persendirian)	- Tarbiyah
Haji Uthman bin Haji Muhammad (Tok Bachok)	▪ Membina sistem pondok (persendirian)	- Tarbiyah
Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdullah Malim	▪ Membina sistem pondok (persendirian)	- Tarbiyah
Haji Muhammad bin Muhammad Said Khatib (Dato' Laksamana)	▪ Ulama, wartawan dan pegawai tadbir	- Undang-undang Pentadbiran
Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Paduka Raja)	▪ Pengasas MAIK¹¹ (1915)	- Pentadbiran
Dato' Haji Mohd Nor bin Ibrahim (Qadhi Besar Kelantan, 1939)	▪ <i>Risalah Pilihan Mastika</i> ▪ <i>Bantuan Ketika Membahagi Pesaka</i> ▪ <i>Tafsir Pimpinan ar-Rahman</i> (30 juz) ▪ <i>Durus al-Tawhid</i> ▪ <i>Suluhan Darul Naim</i>	- Falak - Faraid - Tafsir - Aqidah - Qira'at
Haji Abd. Aziz Pasir Tumbuh	▪ <i>Majalah Pedoman Masyarakat Islam</i>	- Sosial
(Terengganu)		
Sheikh Abdul Malik Abdullah @ Tok Pulau Manis	▪ <i>Sharah al-Hikam</i> ▪ <i>Risalah Kayfiyyah</i> ▪ <i>Risalah Naql</i>	- Tasawwuf - Fiqh - Fiqh
(Kedah: asal Sumatera)		
Haji Abdullah Abbas Nasution	▪ <i>Al-Tarbiyah al-Ijtima'iyah</i> ▪ <i>Al-Tarbiyah al-Wataniyyah</i> ▪ <i>Al-Tarbiyah al-Ta'alim</i> ▪ <i>Al-Quran Bergantung Makna</i>	- Tarbiyah - Tarbiyah - Tarbiyah - Tafsir

¹¹ Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan atau MAIK. Dengan tertubuhnya majlis ini, pentadbiran ugama Islam di negeri Kelantan menjadi lebih lancar dan memuaskan.

	▪ <i>Sejarah Melayu Raya</i> (Jilid 1 dan 2) ▪ <i>Suluhan Politik</i> ▪ <i>Suluhan Ke Tanah Suci</i> ▪ <i>Al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah</i> ▪ <i>Muqaddam Ihya' 'Ulumiddin</i> ▪ <i>Pedoman Mencari Hukum</i> ▪ <i>Majma' Sejarah Islam</i> ▪ <i>Al-Da'wah ila al-Islam</i>	- Sejarah - Siyasah - Ibadat - Fiqh - Tasawwuf - Hukum - Sejarah - Dakwah
(Melaka)		
Haji Abdul Wahid Sungai Udang	▪ <i>Kitab al-Salam</i> ▪ <i>Risalah Ilmu Falak</i>	- Fiqh - Falak
Wali Songo (Jawa)		
Sunan Gresik (Maulana Malik Ibrahim)	▪ Tiba di Jawa 1404M, mati pada 1419M, dikebumikan di Gresik, Jawa Timur. Aktiviti termasuk <u>perdagangan, urut-mengurut dan memperbaiki teknik bertani</u>. Bapa kepada Sunan Ampel dan bapa saudara kepada Sunan Giri.	
Sunan Ampel	▪ Lahir di Champa pada 1401M, mati pada 1481M di Demak, Jawa Tengah. Merupakan penengah kepada wali songo: anak kepada Sunan Gresik and bapa kepada Sunan Bonang dan Sunan Dradjat. Sunan Ampel juga adalah sepupu dan bapa mentua kepada Sunan Giri. Tambahan pula, Sunan Ampel adalah datuk kepada Sunan Kudus. Sunan Bonang pernah <u>mengajar</u> Sunan Kalijaga, iaitu bapa Sunan Muria. Sunan Ampel juga <u>menjadi guru</u> kepada Raden Patah.	
Sunan Giri ¹²	▪ Lahir di Blambangan (kini Banyuwangi, daerah paling timur di Jawa) pada 1442M. Bapanya Maulana Ishak merupakan abang kepada Maulana Malik Ibrahim. Pusara Sunan Giri di Gresik berdekatan Surabaya.	

¹² Kegiatan pewayangan yang begitu diminati oleh penduduk Jawa telah mendorong Sunan Giri dan Sunan Bonang berusaha menyesuaikan wayang dengan ajaran Islam sebagaimana Hikayat Pendawa lima sebagai simbol rukun Islam yang lima. Malah di Kelantan dengan polisi *Membangun Bersama Islam* turut membenarkan acara wayang kulit yang diwarisi dari Jawa dan acara dikir barat tetapi hendaklah diubahsuaikan mengikut citarasa Islam.

Sunan Bonang	▪ Lahir pada 1465M di Rembang (dekat Tuban) pantai utara Jawa Tengah. Mati pada 1525M. Abang kepada Sunan Drajat. Menjadi <u>penggubah lagu-lagu orkestra gamelan</u> .	
Sunan Drajat	▪ Lahir pada 1470M. Abang kepada Sunan Bonang. Turut menjadi <u>penggubah lagu-lagu untuk orkestra gamelan</u> .	
Sunan Kudus	▪ Mati pada 1550M, dikebumikan di Kudus. <u>Pelopori wayang kulit golek</u> .	
Sunan Kalijaga	▪ Dikebumikan di Kadilangu. Menggunakan <u>wayang kulit dan muzik gamelan sebagai media dakwah</u> untuk menyebarkan ajaran kerohanian Islam.	
Sunan Muria	▪ Dikebumikan di Gunung Muria, Kudus. Anak kepada Sunan Kalijaga dan Dewi Soejinah (kakak Sunan Giri), justeru menjadi cucu kepada Maulana Ishak.	
Sunan Gunung Jati	▪ Dikebumikan di Ceribon. <u>Pengasas kepada pemerintah kesultanan Banten</u> .	
(Tanah Melayu)		
Bukhari al-Jawhari	▪ <i>Tajus-Salatin</i> (1603M)	- Politik dan kenegaraan Alam Melayu
Tun Sri Lanang	▪ <i>Sulalatus-Salatin</i> (1612M)	- Sistem nilai Islam
(Acheh)		
Nuruddin al-Raniri	▪ <i>Al-Sirat al-Mustaqim</i> (mazhab Shafi'i) ▪ <i>Bustan al-Salatin</i> (1638M) ▪ <i>At-Tibyan wa Ma'rifah al-Arya</i> ▪ <i>Hidayat al-Iman bi Fadl al-Mannan</i> ▪ <i>'Ayn al-'Alam</i> ▪ <i>Hill al-Zill</i>	- Bersuci, solat, puasa, zakat, haji, memburu, hukum korban, halal-haram makanan dll - Feqah. - Sejarah dan ketatanegaraan - Perbandingan agama dan kesesatan fahaman Wujudiyyah - Tauhid (Bahasa Melayu) - Tasawwuf

	▪ Ma'rifah al-Saniyyah ▪ Hikayat al-Imam	- Tasawwuf
Hamzah Fansuri (bertolak dari aliran falsafah al-'Arabi)	▪ <i>Sharah al-'Ashiqin</i> ▪ <i>Asrar al-'Arifin</i> ▪ <i>Al-Muntaha</i> ▪ <i>Syair Perahu, syair Burung Pingai, Syair Dagang dan sebagainya</i>	- Tasawwuf (prosa dan puisi) - Tasawwuf (prosa dan puisi) - Tasawwuf (prosa dan puisi) - Puisi
Abdul Rauf Fansuri	▪ <i>'Umdah al-Muhtajin</i> ▪ <i>Syair Ma'rifat</i> ▪ <i>Mir'at Allah</i>	- Tasawwuf (sifat 20) - Puisi - Tasawwuf - Fiqh
Jalaluddin al-Tursani	▪ <i>Safinah al-Hukkam</i> ▪ <i>Muzhar al-Ajla</i>	- Fiqh - Tauhid/ Tasawwuf
(Sumatera)		
Shamsuddin al-Sumatrani	▪ <i>Nur al-Haga'iq</i>	- Tasawwuf
(Banjar)		
Sheikh Nawawi al-Banjari	▪ Kitab-kitab berbahasa Arab	- Rujukan ulama Hijaz
Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari	▪ <i>Sabil al-Muhtadin</i>	- Fiqh
Muhammad Nafis al-Banjari	▪ <i>Al-Durr al-Nafis</i>	- Tasawwuf

Berdasarkan jadual di atas, ternyata para wali Songo (Jawa) telah menggunakan pendekatan *siyasah shar'iyah* dan *al-Masalih al-Mursalah* dalam menyebarkan Islam iaitu mengubahsuai muzik gamelan dan wayang kulit sebagai media dakwah paling berkesan untuk menyebarkan ajaran Islam dan menentang ideologi penjajah. Begitu juga Hamzah Fansuri menggunakan sastera popular pada masa itu, iaitu prosa dan puisi, sebagai medan dakwah dalam menyampaikan ajaran Islam seperti tauhid, feqah dan tasawwuf. Karya-karya tersebut di atas hanyalah sebahagian kecil daripada sumbangan para ulama dalam pelaksanaan *siyasah shar'iyah*, tidak termasuk pelbagai bidang yang lain.

Menurut Wan Ab Rahman lagi, ramai juga sultan-sultan Melayu yang mengamalkan tasawwuf dalam kehidupan mereka seperti Sultan Muhammad Yusuf al-Khalidi al-Naqshabandy (Riau), Sultan Musa Mu'azzam Shah dan Sultan Aziz Abdul Jalil Rahman Shah (Langkat). Pengarang kitab *Tajus-Salatin* karangan Bukhari al-Jawhari menjadi rujukan utama *siyasah shar'iyah* kepada golongan istana kerana ia menyentuh tentang politik dan kenegaraan. Intipati penulisan beliau memerihalkan sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang pemerintah atau penguasa. Di antara kandungannya tentang sifat-sifat raja berdaulat ialah:

- a) Hendaklah raja itu dalam sekalian hukum adanya (yakni menghukum sama rata).
- b) Hendaklah raja itu sentiasa terbuka pintunya kerana pekerjaan segala hamba Allah (yakni supaya rakyat dapat mengadu).
- c) Hendaklah raja itu dalam segala hal menurut peri dan perbuatan segala raja-raja yang beriman dan budiman dan adil.
- d) Hendaklah raja itu tatkala menghukum antara segala rakyatnya ingatkan dirinya dan barang berkata-kata dengan rakyat, jangan berkata-kata dengan keras katanya, melainkan lemah lembut.
- e) Hendaklah yang raja itu sentiasa mengingatkan segala kesukaran segala manusia jangan dilalui daripada hukum Allah dan hukum syariat.
- f) Hendaklah yang raja itu sentiasa mengingatkan segala kesukaran dan kejahatan pekerjaan kerajaan dan dapat mengerjakan pekerjaan dengan kebenaran.
- g) Hendaklah yang raja itu sentiasa rindukan orang yang tahu (berilmu), dan menyukakan duduk serta segala pendeta mendengar katanya.
- h) Hendaklah raja itu daripada membesarkan dirinya jangan memberi khairat pada hambanya (yakni jangan membesarkan diri dengan memberi sedekah).
- i) Hendaklah raja itu barang siapa yaang diserahkan kepadanya suatu pekerjaan daripada segala pekerjaan ingatkan baik-baik peri dan perbuatannya akan segala rakyat (yakni raja memeriksa rakyatnya).
- j) Hendaklah yang raja itu dengan bijaksananya dan perkasanya dan ingat dan bicara dan kira-kira dan membicarakan dan jangan alpa ... ini adalah pengetahuan khianat dan firasat yang *harusmatas* segala raja-raja mengingatkan raja-raja mengingatkan perinya dan mengetahui kebenarannya.

Faktor pengislaman institusi istana telah mempercepat dan melonjakkan lagi pelaksanaan *thaqafah* dan *al-Masalih al-Mursalah* dalam medan *siyasah shar'iyah* di Nusantara manakala peranan para ulama menjadi penggerak utama ke arah perkembangan *thaqafah* pemikiran Islam yang tinggi dan berkualiti di kalangan umara'. Malah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah mengeluarkan wasiatnya kepada para pemerintah dan sultan di dalam *Qanun Acheh Darul Salam* mengenai lapan perkara yang mesti Raja-raja Melayu amalkan iaitu:

Pertama: Hendaklah selalu ingat akan Allah dan meneguhi janji dengan sekalian wazir-wazir dan menteri hulubalang dan sekalian pegawai dan dengan sekalian rakyat.

Kedua: Janganlah raja-raja menghina alim-ulama dan ahli-ahli bijaksana.

Ketiga: Segala yang datang daripada pihak musuh daripada seterusnya jangan sekali-kali raja percaya.

Keempat: Hendaklah raja memperbanyakkan alat senjata dan memberi kesayangan rakyat dan wazir sapihi (tentera), supaya jauhlah musuh raja, sebab ada yang menghalaukan sayang.

Kelima: Hendaklah raja menurunkan tangannya (yakni pemurah).

Keenam: Hendaklah mengingati kesetiaan rakyat, wazir dan alim ulama dan sekalian sapihi dengan membalas jasa mereka dengan hukum kitab Allah dan sunnah Rasul (iaitu yang tetap di dalam Qanun al-Asyi Darussalam; pertama al-Quran, kedua al-Hadith, ketiga Ijma' dan keempat Qiyas maka keluar daripada itu pun empat perkara; pertama hukum, kedua adat, ketiga qanun dan keempat resam).

Ketujuh: Janganlah raja-raja itu duduk dengan orang yang jahat budi dan jahil.

Kelapan: Hendaklah raja-raja itu memelihara hati orang berbuat baik kepada raja, dan kepada negeri dan kepada rakyat ... dan demikian lagi raja-raja hendaklah sentiasa ia memandang sekalian ulama dan bermesyuarat dengan alim ulama dan mendengar nasihat ulama ... dan hendaklah raja-raja itu menjauhi diri daripada bersahabat dengan ulama jahat yang suka memuji-muji raja dan menghazulkan dia dan mengharam

minta keizinan raja. Maka ulama itu tamak (yakni tamak kepada dunia). Maka ulama itulah yang memecah-belahkan rakyat seperti dajjal

Pemasyhuran etika raja-raja tersebut merupakan satu tindakan yang memenuhi ciri-ciri *siyasah shar'iyah* kerana ia memperakui tentang kepatuhan kepada Allah S.W.T dan RasulNya SAW, mengamalkan budaya syura dalam proses pentadbiran, menitikberatkan aspek ketaatan kepada pemimpin, menegakkan keadilan dan kebebasan bertindak dalam lingkungan keadilan tadi. Keperluan dimensi ini dipenuhi setelah sesebuah entiti politik kenegaraan menerima perubahan daripada fenomena ledakan *'ubudiyah* ini.

Berikut adalah judul-judul karya sejarah, politik, kesusasteraan dan falsafah yang menjadi bahan-bahan rujukan *siyasah shar'iyah* dan membantu memperkasa tradisi penulisan dan pengiktibaran para ulama di Nusantara:

Jadual 2: Karya-karya rujukan secara holistik oleh para ulama Hijaz dan Timur Tengah bagi melonjakkan *Thaqafah-Siyasah Shar'iyah*:

Bidang Sains	Signifikasi Ilmu
Sejarah (Politik, sistem pemerintahan, protokol, perbandaran dan sumbangan)	▪ Kajian pemerintahan, salasilah keturunan, keadaan politik, kenegaraan dan kebudayaan. ▪ Sistem Amir, tokoh-tokoh Cordova, Andalusia dan sistem perbandarannya.
Personaliti Ibn Khaldun ¹³ , al-Razi, Ibn al-Qutiyah, Ibn Hazm, Ibn al-Khalib dan Ibn Idhari	▪ Protokol-protokol istana, sejarah Islam ▪ Peristiwa politik, zaman pemerintahan khalifah dan sumbangan Islam kepada peradaban ▪ Sejarah bandar-bandar yang telah dimajukan, pencapaian ilmu pengetahuan dan bidang ekonomi penduduknya.
Politik (Institusi,	▪ Institusi al-Wizarah (kementerian)

¹³ Ibn Khaldun telah mengemukakan teori kitaran tamadun yang menunjukkan jatuh-bangun sesebuah tamadun sama ada tamadun Islam di Timur Tengah, Eropah dan Afrika Utara mahupun tamadun Islam di Nusantara. Beliau mengemukakan teori empat kitaran bagi menyokong analisis sosiografi. Teori kitarannya boleh diadaptasi dengan proses jatuh-bangun tamadun Islam walau di mana pun umat Islam berada, iaitu:

1) Kitaran pertama tamadun (Islam) wujud di penghujung negara bangsa bercorak asabiyyah kerana kemunculan Islam sebagai penyelamat manusia jahiliyah. Konsep kebangunan umat Islam adalah bersifat rabbani dan madani, bukan perasaan kelompok bangsa (golongan Quraisy di bawah pimpinan Qusay bin Kilab yang berkuasa sebelum kelahiran Rasulullah SAW, di mana baginda SAW telah

pusat pemerintahan dan peraturan cukai)	▪ Institusi al-Hajib (jawatan setiausaha kerajaan) ▪ Institusi al-Dawawin (pentadbiran dan kepegawaian). ▪ Peraturann cukai dan peranan pusat pentadbiran kerajaan.
Kesusasteraan (Puisi, syair, prosa dan penulisan)	▪ Penceritaan tentang kebesaran Allah S.W.T, kecintaan kepada RasulNya SAW dan amar-makruf nahi-munkar. ▪ Himpunan sajak-sajak seperti buku <i>al-Mufaddaliyyat</i> mengandungi 128 buah sajak, buku <i>al-Asmaniyyat</i> mengandungi 77 buah sajak manakala buku <i>Jamharat Ash'ar al-'Arab</i> mengandungi 49 buah sajak yang disusun dalam tujuh peringkat iaitu <i>al-Mu'allaqat</i>, <i>al-Mujamharat</i> (sajak kemas dan rapi), <i>al-Muntaqayat</i> (sajak pilihan), <i>al-Mudhahabat</i> (sajak-sajak emas), <i>al-Marasi</i> (sajak ratapan), <i>al-Mashubat</i> (sajak tentang aqidah hak dan batil) dan <i>al-Mulhamat</i>. ▪ Buku prosa seperti <i>al-Bayan wa al-Tabyin</i> hasil karya <i>al-Jahiz</i> dan <i>al-Kamil</i> dengan penyelenggaraan <i>al-Mubarrad</i>.
Falsafah (Wahyu, realiti, jirim, logik, metafizika dan pemikiran)	▪ Konsep ketuhanan, manusia dan alam sejagat tanpa bercanggah dengan wahyu. ▪ Jirim dan perkaitannya dengan bentuk, roh dan kepelbagaian fungsinya. ▪ Mempermudahkan sistem falsafah Yunani dan komen serta ulasan terhadap tulisan-tulisan

dimusuhi dan diancam bangsa sendiri kerana mengemukakan akidah dan syariat Islam).

- 2) Kitaran kedua menjelaskan konsep pembentukan negara (Islam) sebagai negara berkebajikan yang dilaksanakan di atas dasar taqwa, bukan pemusatan kekuatan yang menunjukan monopoli sesuatu bangsa ke atas bangsa-bangsa lain (negara Islam berkonsepkan negara *hidayah*, bukan negara *jibayah*).
- 3) Kitaran ketiga memaparkan kemuncak pencapaian tamadun (Islam) dalam semua spektrum kehidupan termasuk ekonomi, politik dan sosial (budaya) di mana aspek budaya tidak terpisah daripada agama. Prinsip kesepaduan agama-budaya telah menyumbang kepada perkembangan tamadun Islam secara global (peringkat lokal dan global).
- 4) Kitaran keempat membuktikan bahawa kealpaan pemerintah (khilafah 'Uthmaniyyah Turki) yang memisahkan budaya daripada ikatan agama, dan kemudiannya diikuti oleh dasar pemerintahan Mustafa Kamal Atatürk yang menguatkuasakan sistem pemerintahan sekular yang menjadi faktor berlakunya perpecahan kepada tamadun dan empayar Islam sehingga menjadi wilayah-wilayah yang lebih kecil.

	Aristotle. ▪ Kegunaan ilmu logik, metafizik dan wahyu sebagai persediaan ilmiah mengkaji falsafah.
--	---

Para ulama Hijaz dan Timur Tengah pula telah terlebih dahulu menyumbangkan ilmu-ilmu agama kepada alam Melayu melalui karya-karya agung mereka yang begitu banyak. Ia bukan sahaja dalam kategori kitab-kitab agama malah meliputi kitab-kitab sains tulen, sains sosial, sains kemanusiaan dan sebagainya, di mana semua karya tersebut berteraskan al-Quran, al-hadis dan ijtihad para ulama.

REFORMASI PERUNDANGAN

Ahmad Ibrahim (1981)¹⁴ menyatakan sebelum kedatangan penjajah Inggeris, undang-undang Islam sudah dilaksanakan di Malaysia dan hakim-hakim British sendiri mengakui bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang asal negara ini. Berdasarkan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka, ternyata Islam mempengaruhi sistem perundangan di Melaka, di mana dalam mukaddimahnyanya jawatan Sultan Mahmud dan raja-raja Melaka ditakrif sebagai Khalifah al-Mukminin.¹⁵

Malah terdapat satu fasal undang-undang tersebut menyatakan berhubung dengan menteri-menteri, pegawai istana dan pasukan tentera, mereka hendaklah bertindak berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran dan menjalankan suruhanNya untuk membuat kebaikan dan mencegah kejahatan.¹⁶ Ini menjadi satu fakta tentang kejayaan *siyasah shar'iyah* di Nusantara bahawa kolaborasi ulama dan umara' telah memberi sumbangan penting dalam membina persekitaran dan menggilap kualiti *thaqafah* dan ketamadunan Islam di Nusantara.

Wasiat Sultan Mansur Syah kepada puteranya Sultan Alauddin dalam laporan *Sejarah Melayu*, berhubung menjalankan pentadbiran negeri menurut perintah Allah adalah bertepatan dengan kandungan undang-undang Kanun Melaka. Baginda telah mengambil kaedah *siyasah*

¹⁴ Dalam kes Ramah lwn Laton, perihal pengamalan Islam sebagai undang-undang di alam Melayu telah pun diputuskan di dalam suatu keputusan dalam mahkamah Inggeris yang mengatakan bahawa sememangnya undang-undang Islam itu adalah undang-undang asal negeri ini. Ahmad bin Ibrahim (Prof.) (1981), *Perundangan Islam: Dasar dan Matlamat Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM.

¹⁵ Liaw Yock Fang (1976). Undang-undang Melaka, The Hague, h. 64.

¹⁶ Ibid, h. 163.

shar'iyah daripada amalan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a (yakni menyamar diri pada waktu malam untuk menyiasat kesusahan dan penderitaan rakyat jelata).


Selain itu, negeri Pahang juga telah diisytiharkan sebagai *Dar al-Islam* pada masa Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (1592-1614) dan bergelar khalifah. Daripada 68 fasal undang-undang Pahang, 42 fasal merupakan terjemahan daripada undang-undang fiqh mazhab Shafi'iy. Manakala hukum Islam mengenai kesalahan berzina telah dilaksanakan di Trengganu sejak tahun 1303H, menurut catatan Batu Bersurat, Trengganu.

Menurut perspektif Syed Naquib al-Attas (1978), pengurusan *siyasah shar'iyah* di Nusantara antara sekitar tahun-tahun 1423 hingga 2011 telah melalui tiga reformasi TITAS¹⁷ (Tamadun Islam dan Tamadun Asia). Bermula dari kejatuhan Islam di Andalusia, Eropah, lantaran pengislaman orang-orang Melayu (*dharuriyyat*), umat di alam-Melayu telah menerima terjemahan Syariah yang diwarisi dari ulama Hijaz dan Timur Tengah.

Kemudian aktivisme ulama dan intelektual Melayu dalam aspek metafizika dan pengisian ilmu tasawwuf (*hajiyyat*) dipertingkatkan, seterusnya penerusan fasa II dan fasa III dalam satu transformasi sosial di alam-Melayu yang telah mempunyai persiapan faham agama Islam sebagai *al-Din* pada fasa I terdahulu, untuk menyanggah cabaran pemikiran sekular (*tahsiniyyat*) dan untuk membawa kembali kepada zaman Islam. Setiap fasa yang dilalui merupakan suatu reformasi ke arah ketamadunan Islam.

¹⁷ TITAS dalam konteks penulisan ini bukanlah singkatan bagi matapelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia tetapi satu gagasan geopolitik global sesuai dengan konotasi Islam sebagai kuasa politik yang pernah menguasai dunia.

Kolaborasi Ulama Dan Umara' Melonjakkan Siyasa Shar'iyah Di Malaysia Dan Nusantara



PETUNJUK ORBIT

1

- a) Sejarah akan berulang dan hendaklah diambil pengajaran oleh manusia.
- b) Tamadun Himyar dan Saba' yang memiliki sistem pembinaan kota dan empangan terkenal berakhir dengan pecahnya empangan Ma'arib.
- c) Kepimpinan kaum Quraisy iaitu Qusay bin Kilab telah membina sistem Rifadah dan pembinaan kota Mekah.

- d) Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah pada tahun 623M dan menegakkan negara Islam setelah dakwah baginda diterima dan mendapat dokongan yang kuat lagi bersepadu daripada golongan Aws dan Khazraj.
- e) Setelah baginda SAW wafat pada tahun 633M, para al-Khulafa' al-Rashidin telah mengukuhkan negara Islam dengan menghapuskan ancaman golongan murtad, nabi-nabi palsu, menawan Palestin dan menjatuhkan kuasa-kuasa besar Rom dan Parsi.
- f) Bani Umayyah telah meluaskan dakwah dan sistem Islam sehingga ke Cina, Sepanyol dan Afrika Utara manakala Bani 'Abbasiyyah pula telah melonjakkan lagi pembinaan Tamadun Islam melalui budaya ilmu daripada tamadun lain.

- 2** Turki mengambilalih pemerintahan Khilafah Islam pada 1423M setelah Bani Abbasiyyah Akhir ditewaskan di Mesir. Sekularisasi dan penguasaan tamadun Barat ke atas dunia Islam bermula apabila Mustafa Kamal Atatürk memerintah. Khilafah Islamiyyah Turki jatuh pada 1924M selepas perang dunia. Namun kejatuhan ini disambut dengan kemunculan empayar Islam di Alam Melayu.

- 4** Kemunculan sekularisma di Malaysia ialah pada tahun 1824M melalui perjanjian Pangkor. Ideologi ini diperkukuhkan pada tahun 1924M, seterusnya dimaktubkan dalam perlembagaan negara oleh Lord Reid sempena kemerdekaan pada 1957M. Ideologi sekular berlaku bila mana soal-soal agama dan soal-soal pemerintahan dipisahkan.

- 5** Selepas 1957M, perkembangan Islam semakin pesat, di mana kefahaman dan kesedaran masyarakat antarabangsa terhadap Islam sebagai orde dunia semakin ketara dan fenomena ini mempengaruhi masyarakat Islam sebagai al-Din berkembang dengan pesat dan memerlukan transformasi politik dan ekonomi berasaskan paradigma Tauhid.

- 3** Kerajaan Islam Melaka pula jatuh ke tangan Portugis dan sekutunya pada 1511M. Kuasa-kuasa Barat menukarkan paradigma Tauhid dengan paradigma sekular bagi menyalpkan sistem khilafah Islam di seluruh dunia. Ini menyebabkan umat Islam mengalami sindrom buta-agama melalui siri penjajahan kuasa Barat dan Timur lebih kurang 500 tahun.

- 6** Pengertian undang-undang Islam dalam perlembagaan Malaysia terkandung dalam Jadual 19 di mana soal-soal Islam hanya dalam perkara-perkara nikah kahwin, perceraian, nafkah, harta pesaka, adat istiadat dan lain-lain kesalahan *matrimoni* (kes-kes kecil kekeluargaan) perlu ditransformasi secara menyeluruh meliputi agama dan budaya.

Rajah 1: Analisis Sosiografi Perkembangan Orbit Tamadun Islam.

Reformasi I (1423M-1824M) berlaku dalam fasa penterjemahan Syariah lantaran pengislaman orang-orang Melayu bertitik tolak daripada gerakan dakwah dan kolaborasi ulama dan umara'. Reformasi II (1824M-1957M) pula berlakunya peningkatan intelektual Melayu dalam pemurnian aqidah melalui aspek metafizika dan ilmu tasawwuf. Manakala reformasi III (1957M - kini) merupakan penerusan fasa I dan fasa II di alam Melayu dalam menghadapi cabaran pemikiran sekular dalam masyarakat majmuk, suatu fenomena yang agak simetrikal dengan era Islam awalan atau kebangkitan semula Islam dalam era mutakhir.

Sememangnya fahaman Islam sebagai al-Din tidak dapat bersekongkol dengan faham sekular atau adanya saling nyah-mengenyah atau *desentization* antara keduanya kerana faham sekular memisahkan agama daripada budaya seperti politik, ekonomi dan sosial. Lagi pun sekularisme merupakan agenda penjajah untuk memecahbelahkan umat Islam di seluruh dunia. Pencapaian dalam proses mengenyahkan fahaman sekular daripada pemikiran dan kehidupan umat Islam melibatkan satu transformasi. Hal yang demikian terbukti bila mana agenda sekularisasi untuk memisahkan institusi ulama dan institusi umara' (khususnya istana) dan memecah belah masyarakat Islam telah ditolak oleh umat Islam di Malaysia.

Setelah diteliti dengan halus, ternyata agenda ini berjaya dilenyapkan di Kelantan dan Kedah dengan berlakunya transformasi budaya politik di antara kedua-dua institusi politik ini. Berdasarkan rajah 1, kolaborasi ulama dan umara' secara sinergistik telah melalui tiga reformasi (1423M hingga 2000an) untuk menghasilkan suatu transformasi sosial dan budaya.

Oleh itu, *Siyasah Shar'iyah* telah memberikan sumbangan yang sangat bermakna dari segi menyuntik keupayaan strategik dan sinergistik kepada ulama dan umara' untuk memainkan peranan sebagai kepimpinan transformasi (*transformational leadership*) ke arah *hadarah Islamiyyah* di Malaysia dan Nusantara sama ada pada masa dahulu mahupun pada masa kini dan masa akan datang.

Jika pada zaman Rasulullah SAW dan para Sahabat RA menghadapi cabaran jahiliyah dalam masyarakat berbilang kaum, maka umat Islam kini pula menghadapi cabaran pemikiran dan sistem sekular dalam masyarakat majmuk. Sementelahan pula Islam merupakan

penyelesaian kepada kepincangan dalam kehidupan manusia sejagat seperti tercatat dalam tradisi kenabian dan sejarah kemanusiaan.

PEMBINAAN TAMADUN DAN PERADABAN ISLAM DI MALAYSIA

Usaha-usaha dipergiatkan untuk memartabatkan kembali tamadun dan peradaban Islam di Malaysia melalui dua bidang iaitu melalui pendidikan dan penulisan sejurus sebelum dan selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957M, iaitu:

- i. Peringkat pertama, bidang pendidikan dimartabatkan dengan penubuhan sekolah-sekolah agama (*madrasah*) dan institusi pondok, seperti Madrasah *Muhammadiyah* (1917M) di Kelantan, Madrasah *al-Masyhur* (1919M) di pulau Pinang, Madrasah *Idrisiyah* di Kuala Kangsar dan lain-lain lagi. Manakala institusi pondok banyak didirikan di Pantai Timur dan utara Tanah Melayu. Kursus-kursus pengajian yang diutamakan ialah pengajian al-Quran, al-Sunnah, kitab-kitab tauhid, fiqh dan tasawwuf, ilmu tatabahasa Arab dan kemahiran hidup. Karya-karya penulisan para ulama dari Timur Tengah dan alam-Melayu dijadikan teks utama dan bahan rujukan pengajian di madrasah dan pondok.
- ii. Peringkat kedua, bidang penulisan digerakkan melalui kitab, akhbar dan majalah. Di antaranya ialah majalah *al-Iman* (1906M) diikuti majalah *Neraca* (1911M) yang diterbitkan oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin bersama rakan-rakannya Syed Sheikh al-Hadi, Haji Agus Mohamad Taha dan Salim al-Kalali. Majalah *al-Ikhwān* (1926M) dan majalah *Saudara* (1928M). Majalah *Pengasuh* (1918M - kini)¹⁸ pula telah diterbitkan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Majalah-majalah ini amat berpengaruh dalam mengubah sikap dan pemikiran masyarakat Melayu pada masa itu.

Kesan perjuangan tokoh-tokoh dan gerakan Islam pada masa itu telah berjaya menegakkan ajaran Tauhid yang murni dan membanteras penyelewengan dan kesesatan, memupuk perjuangan menentang penjajah (anti Malayan Union) dan timbulnya

¹⁸ Sila lihat sejarah penerbitan dan perkembangan *Majalah Pengasuh* di dalam: Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid (2010), "Pendangan Kritis Pengarang Majalah Pengasuh Terhadap Jatidiri Melayu-Islam" dalam *Jurnal KIAS Bilangan VI*. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, h. 110-113.

kesedaran untuk mengubah sikap dan pemikiran masyarakat dalam aspek politik dan ekonomi.

- iii. Peringkat ketiga, bermula pada era kemerdekaan Tanah Melayu dengan berlaku gerakan refomasi berteraskan agama mula malap pada akhir tahun 1920-an dengan timbulnya golongan Nasionalisma Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris. Golongan ini ramai yang menerajui kepimpinan negara sebelum dan selepas merdeka. Perjuangan tokoh-tokoh sebelum ini disambung oleh tokoh-tokoh seperti Ibrahim Yaakob, Ahmad Boestaman, Ishak Haji Mohammad, Senu Abdul Rahman, Dato' Onn dan Tungku Abdul Rahman. Perjuangan mereka lebih kepada mengubah masyarakat Melayu agar mereka memiliki harga diri di tanah air sendiri.

Dalam masa yang sama, gerakan Islam turut berjuang menentang penjajahan British melalui *Hizbul Muslimin*. Gerakan yang berlandaskan perjuangan politik ini ditubuhkan pada tahun 1948M, diketuai oleh Tuan Haji Abu Bakar al-Baqir. Kemunculan *Hizbul Muslimin* membimbangkan British dan pada awal tahun 1950M pertubuhan ini telah diharamkan. Pada tahun 1951M Parti Islam SeMalaysia pula telah ditubuhkan untuk meneruskan perjuangan tersebut.

Selepas merdeka, Tanah Melayu terus dipimpin oleh golongan elit cendekiawan Melayu yang berpendidikan sekular. Kepimpinan tokoh-tokoh ini semakin melemahkan semangat keIslaman kerana keghairahan mereka untuk membangunkan negara mengikut model Barat. Kegagalan membangunkan negara berteraskan agama Islam dan banyak masalah-masalah sosial menyebabkan bangkitnya satu suasana untuk kembali kepada Islam. Kesedaran ini muncul di kalangan para aktivis pelajar institut pengajian tinggi dan para belia.

- iv. Peringkat keempat, yang bermula pada tahun 1970-an sehingga kini dianggap era kebangkitan Islam di Malaysia kerana telah banyak memberi kesan kepada senario politik, sosial, dan ekonomi negara. Semenjak tahun 1970-an sehingga tahun 1990-an berbagai gerakan Islam telah ditubuhkan yang turut menyumbang kepada kebangkitan Islam mutakhir di Malaysia.

Di antara strategi yang digunakan untuk memperkasa kebangkitan Islam dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia ialah

pendekatan *siyasah shar'iyah* dan kaedah *al-Masalih al-Mursalah* melalui prinsip *Tahaluf Siyasi* (persefahaman politik) yang bertujuan untuk mengenengahkan kesyumulan Islam, keadilan Islam untuk semua, Islam untuk semua kaum dan agama, dan Islam sebagai pemangkin ekonomi negara berkeadilan sama ada peringkat domestik mahupun antarabangsa.

KEMATANGAN BERPOLITIK *TAHALUF SIYASI*

Reformasi III dalam lonjakan *siyasah shar'iyah* telah menghasilkan strategi berpolitik dengan berprinsipkan *tahaluf siyasi*¹⁹ yang diukur

¹⁹ Sejarah pertama *tahaluf siyasi* ialah perjanjian *al-Fudul* pada bulan Zulqad'ah yang berlaku selepas peperangan *al-Fijar*, di mana Rasulullah SAW telah terlibat secara langsung ketika baginda SAW berusia lima belas tahun. Peperangan *al-Fijar* berlaku di antara sesama kaum Quraisy yang mempertahankan dasar kronisme dengan kaum Quraisy yang menentang kezaliman kronisme. Golongan pertama mempertahankan amalan memberi perlindungan kepada pelawat/pedagang luar (konsep *al-Jiwar*). Dalam kes *al-Fijar*, seorang Quraisy yang bernama 'Urwah memberikan perlindungan (*al-Jiwar*) kepada seorang pedagang bernama al-Nu'man tetapi seorang Quraisy yang lain mendesak supaya harta dagangan itu dibahagikan antara mereka sebagai kroni. Dalam mempertahankan peranannya sebagai pelindung, 'Urwah telah terbunuh. Lalu berlakulah peperangan antara puak Quraisy yang membantah pembunuhan 'Urwah di bulan haram lalu mengerahkan pasukannya menyerang puak yang membunuh 'Urwah. Peranan Rasulullah SAW di masa peperangan ini ialah sebagai pemberi anak-anak panah kepada pakeik-pakeik baginda SAW ketika berperang kerana mereka berada di pihak yang benar iaitu menentang kronisme.

Selepas peperangan *al-Fijar*, berlaku pula insiden rampasan harta dan barang dagangan milik pedagang bernama Zubayd oleh al-'As bin Wa'il al-Sahmi kerana al-'As enggan membayar kos pembelian barangan milik Zubayd, manakala puak-puak sekutu lelaki itu pula tidak mahu terlibat membelanya kerana budaya kronisme yang wujud antara Al-'As dengan sekutu-sekutu lelaki tersebut iaitu 'Abd al-Dar, Makhzum, Jumah dan Sahm. Pakeik Rasulullah SAW yang bernama al-Zubayr bin Abd al-Muttalib naik berang dan sangat marah dengan perbuatan/amalan tersebut setelah mendengar lelaki teraniya itu membaca syair di atas bukit Abu Qubays tentang penganiayaan yang berlaku ke atas dirinya. Maka berkumpul kabilah-kabilah Quraisy dari Bani Hashim, Bani 'Abd al-Muttalib, Asad bin Abd al-'Uzza, Zuhrah bin Kilab dan Taym bin Murrah di rumah Abdullah bin Jad'an al-Taymi (kerana meraikan ketuaan dan kemuliaannya) untuk memetri perjanjian *al-Fudul* tersebut.

Dalam perjanjian itu, mereka bersepakat dan berjanji untuk tidak membiarkan seorang pun dizalimi sama ada dia berasal dari Kota Mekah mahupun dari luar Kota Mekah melainkan mereka akan bersama orang yang dizalimi itu. Mereka akan menuntut pertanggungjawaban terhadap orang yang menzaliminya, sehinggalah ia mengembalikan apa yang dizaliminya. Lalu mereka bertindak terhadap al-'As bin Wa'il dengan merampas kembali hak lelaki Zubayd itu dan mengembalikannya kepada Zubayd. Peristiwa ini disaksikan sendiri oleh Rasulullah SAW dan ia telah dinaiktaraf kepada *al-Sunnah al-Taqririyyah*, di mana selepas dilantik menjadi Pesuruh Allah, baginda SAW telah bersabda (dengan maksud): "Aku telah menyaksikan satu perjanjian di rumah Abdullah bin Jad'an. Perjanjian itu sangat aku

dengan neraca syariat, kemudian kedudukan keuntungan dan kerugian dari sudut kira bicara politik mestilah diuruskan dalam bentuk pendekatan yang paling baik dengan bebanan yang paling ringan untuk dipikul. Di dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah*, Imam Ibn al-Qayyim (751H) telah menukilkan pendapat daripada Imam al-Shafi'i (150-204H):²⁰

لَا سِيَاسَةَ إِلَّا مَا وَافَقَ الشَّرْعَ

Maksudnya: "Tiada siyasah (kepimpinan politik dan negara) melainkan apa yang menepati syariat."

Berdasarkan kepada realiti dalam masyarakat majmuk serta kedudukan politik di Malaysia, penelitian kepada dalil-dalil yang perlu dijadikan garis sempadan *tahaluf siyasi* sebagai strategi membina tamadun dan peradaban Islam adalah seperti berikut:

1. *Tahaluf* mestilah dijadikan wasilah untuk menegakkan Islam sebagai cara hidup, memperkasa kedudukan umat Islam serta membuka peluang dan ruang untuk perlaksanaan Islam dan medan menyampaikan dakwah Islam yang sebenar.
2. *Tahaluf* mestilah memastikan supaya dasar-dasar Islam dapat dipertahan dan diperjuangkan dengan penuh komitmen oleh semua pihak yang cintakan keadilan dan kesejahteraan.
3. Matlamat kemenangan Islam tidak boleh menghalalkan *Tahaluf* secara mutlak, di mana Majlis Syura mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai kesinambungan *tahaluf siyasi* berdasarkan kepada *maslahah* dan *mafsadah shar'iyah* dari semasa ke semasa.

sukai lebih daripada memiliki unta berwarna merah. Kalaulah aku diajak mengadakan perjanjian itu semasa Islam, nescaya akan aku sahuti/menyetujuinya". Inilah dalil (hujah) yang membuktikan bahawa umat Islam boleh melakukan *Tahaluf Siyasi* kerana hendak menegakkan keadilan meskipun perjanjian itu melibatkan golongan bukan-Islam. Dalil lain *tahaluf siyasi* yang disertai Rasulullah SAW ialah perjanjian gencatan senjata melalui perjanjian Hudaibiyyah. Lihat: Safiyy al-Rahman al-Mubarakpuri (2011), *Sirah Nabawiyyah*. (terj. Muhammad Ramzi Omar). Kuala Lumpur: YADIM, h. 71 dan Munir Muhammad al-Ghadban (2003), *Kerjasama Politik dalam Menegakkan Kerajaan Islam* (terj. Muhammad Ramzi Omar). Selangor: Pustaka Ilmu, h. 21.

²⁰ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1985), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah* (ed. Dr. Muhammad Jamil Ghazi). Kaherah: Matba'ah al-Madani, h. 14.

MODEL ISLAM DI KELANTAN

Ketua negara atau ketua negeri sebagai pemimpin boleh dikiaskan daripada istilah khalifah, amir al-mu'minin atau imam sebagaimana terkandung di dalam teks-teks klasik seperti *al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh Imam Abu al-Hasan al-Mawardi (450H) dan *al-Muqaddimah* oleh Ibn Khaldun (808H). Dalam konteks semasa, ketua negeri ialah Menteri Besar manakala ketua negara ialah Perdana Menteri. Menurut kaedah *fiqhiyyah* bahawa:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya: "Tindakan (keputusan) yang dijalankan oleh seseorang Imam (pemerintah negara Islam) terhadap rakyat hendaklah berasaskan kepada masalahah".

Menurut Ibn Khaldun (808H) dalam *al-Muqaddimah*nya bahawa: "Khilafah (sistem pemerintahan Islam) adalah bermaksud bertindak sebagai pengganti kepada pembawa syariat (Nabi Muhammad SAW)". Penulisan khusus berkenaan *Fiqh al-Siyasah al-Shar'iyah* dihasilkan oleh Imam al-Mawardi (450H), Abu Ya'la (458H) dan Ibn Taymiyyah (728H) membincangkan secara langsung tentang kepimpinan negara.

Kesemua mereka sependapat bahawa kepimpinan adalah satu amanah dan mandat yang diberikan untuk melaksanakan tuntutan agama dan dalam beberapa keadaan tertentu menggunakan pertimbangan dalam pelaksanaannya berdasarkan konsep *siyasah shar'iyah* bagi kepentingan agama dan kepentingan umum atau *masalahah 'ammah* dan konsep *al-Masalih al-Mursalah*²¹ bagi kepentingan khusus atau *masalahah kulliyah*.²²

Hasil daripada pemahaman inilah dan mengikut prinsip *maqasid shari'ah* maka muncul Model Negara Berkebajikan di Kelantan Darul Naim. Menurut Wan Abdul Rahman,²³ Negara Berkebajikan adalah pada

²¹ *Al-Masalih al-Mursalah* ialah mana-mana masalahah yang menyokong maqasid syariah meskipun asalnya tidak mempunyai dalil yang jelas dan tersembunyi manfaatnya kepada umat Islam (Sukeri Mohamad, 2009).

²² Abdul Samat Musa (2004), "Hak dan Tanggungjawab Rakyat dan Ulil Amri" dalam *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 131.

²³ Wan Abdul Rahman Wan Ab Latiff (2011), "Negara berkebajikan dan Maqasid Syariah" dalam majalah *Fajar Islam*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

hakikatnya sinonim dengan Negara Islam²⁴ iaitu pertamanya, membekalkan rakyat dengan keperluan asas (*dharuriyyat*) yang terdiri daripada lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang menjamin sistem hidup di dunia dan kesejahteraan hidup di akhirat; dan keduanya, menyediakan sarana-sarana pelengkap atau keperluan tambahan (*hajiyyat*) kepada keperluan asas supaya timbul keringanan, kemudahan dan keharusan terhadap kewajipan-kewajipan ibadat, muamalat dan sebagainya bagi menghilangkan kesukaran dalam melaksanakannya.

Manakala ketiganya menjadikan kehidupan manusia dalam keadaan berkualiti dan selesa dengan akhlak yang baik dan meninggalkan perkara-perkara sia-sia, kotor dan tidak diterima oleh akal yang sejahtera (*tahsiniyyat*) bertujuan menambahkan nilai kesempurnaan dalam kehidupan. Di samping kaedah-kaedah *Sadd al-Zara'i'* digunakan bagi membuka peluang-peluang makruf dan menutup peluang-peluang munkar dalam aktiviti harian rakyat seterusnya meluaskan lagi kebajikan untuk mereka.

PENUTUP

Sesungguhnya sinergi antara institusi ulama dan institusi umara' mampu membangunkan semula thaqafah dan hadarah Islamiyyah ke tahap kegemilangannya. Walau bagaimana sekalipun ternyata kolaborasi ulama dan umara telah diwujudkan sejak zaman sebelum penjajahan lagi. Sejarah menyaksikan umat Islam-Melayu di Nusantara telah dapat melihat pemerintahan dan kenegaraan berasaskan syariat Islam kerana kepesatan para ulama menghasilkan keperluan thaqafah pemikiran Islam yang tinggi dalam bentuk ilmu, pemikiran, sikap dan kesatuan fikiran. Kaedah *siyasah shar'iyah* telah ditadbirkan secara bijaksana oleh umat alam-Melayu (Nusantara) sehingga pelbagai kepakaran daripada *sirah nabawiyyah* terus diwarisi oleh umat di alam-Melayu khususnya dan umat antarabangsa umumnya. Setelah dibandingkan dengan sejarah kebangkitan Islam awalan sebagai penanda arasnya, pencapaian kebangkitan Islam mutakhir ke arah pembinaan tamadun Islam di alam Melayu perlu dipertingkatkan agar semua manusia mendapat manfaat daripada segala objektif dan *masalahah* di sebalik pelaksanaan syariat Islam. WaLlahu a'lam.

²⁴ Negara Berkebajikan merupakan sifat Negara Islam dilihat dari dimensi sosioekonominya atau sistem muamalatnya (penulis).